

## Larian kesedaran HIV dan AIDS

KUALA LUMPUR 13 Mac – Kelab International Association of Students Interested in Economics and Management (AIESEC), Universiti Putra Malaysia (UPM) akan menganjurkan Larian Kesedaran HIV dan AIDS 2011 pada 27 Mac ini.

AIESEC UPM, dalam kenyataan akhbarnya di sini hari ini memaklumkan, larian yang akan diadakan di Bukit Ekspo, UPM itu bertujuan meningkatkan pengetahuan dan kesedaran orang ramai terhadap HIV dan AIDS.

“Larian ini terbuka kepada orang ramai dan terbahagi kepada beberapa kategori iaitu kategori lelaki, perempuan dan ‘fun run’.

“Yuran pendaftaran bagi kategori lelaki dan perempuan adalah RM20, manakala bagi kategori ‘fun run’ yang terdiri daripada tiga orang dalam satu kumpulan pula adalah RM50,” kata kenyataan itu.

Menurut kenyataan itu lagi, orang ramai juga berpeluang menyaksikan pameran, permainan dan perkongsian pengalaman berkaitan HIV dan AIDS.

Tarikh tutup pendaftaran larian itu adalah pada Selasa ini dan orang ramai boleh menghubungi Tan Li Chui di talian 017-528 2365 atau emel kepada [hope.aiesec@gmail.com](mailto:hope.aiesec@gmail.com) serta melayari [www.aiesec.my/hope](http://www.aiesec.my/hope) untuk mendapatkan maklumat lanjut.